

02/09/2003

Dr Mahathir arah TNB kaji punca masalah

Wan Jailani Razak; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengkaji punca bekalan elektrik di lima negeri terputus semalam bagi memastikan kejadian itu tidak berulang.

Perdana Menteri berkata, walaupun bekalan elektrik dapat dipulihkan dalam masa singkat, TNB sepatutnya mencari jalan bagi memastikan kejadian itu tidak berlaku lagi pada masa depan.

"Nampaknya, kita pun tak bebas daripada blackout. Baru-baru ini, ada blackout di New York, selepas itu di London. Kini giliran kita pula. Kita kena tahulah kenapa ia berlaku.

"Tapi, nampaknya kita punya pengetahuan mengenai elektrik juga tidak mencukupi kerana sekejap-sekejap ada saja breakdown yang semacam ini," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Padang Matsirat sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, petang semalam.

Dr Mahathir yang mengadakan lawatan kerja dua hari ke sini, diminta mengulas kejadian bekalan elektrik terputus di Kedah termasuk di pulau ini serta Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan mulai jam 9.58 pagi semalam.

Perdana Menteri berkata, Presiden yang juga Ketua Eksekutif TNB, Datuk Pian Sukro sudah menghubunginya bagi menerangkan kejadian itu, tetapi puncanya masih belum dapat dikenal pasti.

Di PUTRAJAYA, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau sudah mengarahkan Pengerusi TNB, Datuk Dr Awang Adek Hussein, menjalankan siasatan rapi bagi mengelak sebarang spekulasi buruk.

"Saya tidak mahu buat sebarang andaian mengapa ia berlaku. Saya sudah meminta Awang Adek menjalankan siasatan rapi dan apabila selesai (siasatan), kena maklumkan kepada kita dengan cepat.

"Sementara itu, saya minta rakyat usah buat apa-apa (spekulasi) kerana bekalan elektrik sudah pun disambung semula," katanya ketika ditanya sama ada kejadian itu akan menyebabkan spekulasi berhubung ancaman keselamatan negara seperti yang berlaku di New York, baru-baru ini.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan album Suara Merdeka, Abdullah berkata, TNB perlu meningkatkan langkah pencegahan bagi memastikan kejadian yang sama tidak berulang.

"Bekalan elektrik tidak boleh dibenarkan putus, tetapi sekiranya berlaku, kita kena tahu apa sebabnya. Namun, saya ucapkan terima kasih kepada TNB kerana berjaya mengawal keadaan dengan cepat," katanya.

Ditanya sama ada proses penswastan TNB perlu dikaji semula bagi mengelak kejadian itu berulang, Abdullah berkata, perkara itu tidak timbul.